

Hamid enggan ulas perjumpaan dengan PM

SH 12 JAN 2001

SIK, Khamis – Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Senator Dr Abdul Hamid Othman enggan mengulas mengenai perjumpaan beliau dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, hari ini.

Menurutnya, ia adalah perjumpaan biasa beliau dengan Perdana Menteri dan tiada apa yang perlu dimaklumkan kepada orang ramai.

“Tak ada apa, mesyuarat ini biasa saja. Tak ada apa. Okey, terima kasih,” katanya ketika diminta mengulas perjumpaan beliau dengan Dr Mahathir hari ini.

Beliau ditemui selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri anjuran Pergerakan Pemuda Umno Pusat di Felda Teloi Timur, dekat sini petang ini. Hadir sama, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

Hishamuddin tiba di majlis itu kira-kira jam 3 petang manakala

Abdul Hamid yang juga Ketua Umno Bahagian Sik pulang dari Kuala Lumpur selepas perjumpaan terbabit dan tiba di Felda berkenaan, kira-kira jam 4 petang.

Sementara itu, ketika berucap dalam nada yang bersemangat, Abdul Hamid berkata, beliau berharap ahli Umno Bahagian Sik tidak terkejut dengan peletakan jawatan beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, minggu lalu.

Menurutnya, penyusunan semula kerja dalam Umno perlu dilakukan bagi memastikan kelangsungan perjuangan parti.

“Macam kita main bola sepak. Kalau penjaring gol dah tak boleh jaringkan gol, (pemain) sayap kena jaringkan gol. Kadang-kadang penjaring (gol) kena keluar...ganti dengan (pemain) simpanan,” katanya dan disambut tepukan gemuruh hadirin.

Jumaat lalu, Abdul Hamid me-

ngumumkan peletakan jawatan dengan alasan bagi membolehkannya menumpukan perhatian kepada kerja fardu kifayah, sekaligus memberikan tumpuan kepada usaha mengatasi aliran pemikiran umat Islam pada masa kini yang boleh merosakkan dan membantutkan pembangunan.

Bagaimanapun, selain mengekalkan jawatannya sebagai Ketua Umno Bahagian Sik, beliau turut kekal sebagai Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kedah.

Pada masa ini, pelbagai khabar angin timbul di Kedah mengenai kedudukan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain. Selain Syed Razak dikatakan akan meletakkan jawatan. Tempat beliau sebagai Ketua Perhubungan Umno akan diganti.

Antara nama yang disebut adalah Dr Abdul Hamid.